

# Felda mampu jadi pelabur besar

UM 15 SEP 2003

**K**ANGAR 14 Sept. — Felda mampu menjadi badan pelaburan terbesar seperti Perbadanan Nasional Berhad (PNB) kepada golongan peneroka dan luar bandar apabila disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid berkata, ini kerana syarikat perladangan terbesar dunia itu mempunyai aset yang amat banyak dan memerlukan pengurusan yang lebih cekap untuk dikembangkan.

Menerusi penyenaiaan itu, kata beliau, Felda dapat meningkatkan lagi pelaburannya dalam pelbagai bidang sama ada di dalam mahupun luar negara.

"Felda akan mampu memberi pulangan lumayan kepada pemegang-pemegang saham yang sebahagian besarnya ialah masyarakat peneroka di luar bandar," katanya.

Beliau berkata kepada pemberita selepas majlis penutup Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat Kebangsaan di pekarangan Stadium Utama di sini hari ini.

Beliau mengulas pengumuman kerajaan yang berhasrat menyenaraikan Felda di BSKL bagi men-

ingkatkan daya saing syarikat itu sebagaimana yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Bajet 2004, Jumaat lalu.

Semalam, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis berkata, Felda akan disenaraikan di BSKL sebelum hujung tahun ini dengan 75 peratus pegangan milik kerajaan dan 25 peratus sebagai tawaran awam permulaan (IPO).

Azmi berkata, cadangan kerajaan untuk menyenaraikan Felda di BSKL selepas mendapati syarikat perladangan itu tidak mampu berkembang lebih jauh dalam bidang pelaburan.

Misalnya, kata beliau, usaha sama antara Felda dengan Perlis Plantations Berhad (PPB) dalam mengurus ladang tebu dan kilang gula di Chuping dekat sini banyak memberi keuntungan kepada

PPB yang telah disenaraikan di BSKL.

"Menerusi usaha sama itu, PPB muncul sebagai salah sebuah syarikat perladangan gergasi di Asia sedangkan Felda kekal sebagaimana ditubuh mula-mula dulu," jelasnya.

Dengan penyenaiaan itu, tambah beliau, Felda akan dapat mengembangkan sayapnya untuk melabur dalam bidang-bidang perladangan di luar negara seperti Indonesia dan Thailand.

Selain itu, Bajet 2004 akan memberi banyak manfaat kepada masyarakat luar bandar apabila berbilion ringgit diperuntukkan terutama untuk memajukan pertanian dan industri kecil dan sederhana (IKS).

Menurutnya, bajet kali ini juga dapat melahirkan penduduk luar bandar sebagai masyarakat dagang menerusi sistem pertanian yang saintifik dan industri yang berdaya saing.